

UPM anjur pameran reka cipta

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (RPI) 2012 bagi mempamerkan sebanyak 350 hasil kerja membabitkan bidang pertanian, makanan, perhutanan, alam sekitar, kejuruteraan, sains dan teknologi kepada orang ramai dan industri di universiti itu, pada 17 hingga 19 Julai ini.

Timbalan Naib Canselornya, Profesor Dr Mohd Saleh Jaafar, berkata pameran penyelidikan terbesar yang diadakan itu mensasarkan perhatian umum dan industri dalam mempromosikan teknologi dan penyelidikan dihasilkan universiti berkenaan.

"Selain pameran, turut di-

adakan adalah pelancaran alatan teknologi antaranya mesin memproses makanan, mesin memasak, mesin memerah santan, mesin mengupas buah-buahan dan sebagainya yang mendapat kerjasama syarikat dalam negara," katanya.

Menurutnya, selain itu, Program 'Spacer Architectonic Building System (SAB-System) yang akan dilancarkan mampu memberi peluang kepada orang ramai melihat kaedah prestasi struktur pembinaan bangunan dengan penggunaan kayu minimum.

"Orang ramai, syarikat dan industri dialu-alukan memeriahkan pameran ini berikutnya pelbagai aktiviti akan diadakan selain masyarakat berpeluang menyaksikan ha-



DR MOHD SALEH...sasar perhatian umum, industri

silan universiti kami (UPM)," katanya.

Mohd Saleh berkata, pameran yang bertemakan Inovasi ke Arah Penciptaan dan

Kesejahteraan Masyarakat turut menyaksikan pada hari pengajuran, sebanyak 40 sekolah menengah dari seluruh negara akan menyertai pertandingan RPI Sekolah Peringkat Kebangsaan merentas Anugerah Inovasi.

"Untuk memeriahkan pameran, pihak universiti membuka gerai jualan herba, buah-buahan, ikan dan baja pokok," katanya.

Antara yang memberikan kerjasama pameran berkenaan adalah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Tenaga Nasional, Agensi Nuklear Malaysia dan banyak lagi.